

Inspira^{Inside}

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
ارۋىپىچىيى سۇلتان اىدرىس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 13: 30 Mac 2026

31 saintis muda Uzbekistan sertai program penyelidikan di UPSI

Kuala Lumpur, 26 Mac - Seramai 31 saintis muda dari Republik Uzbekistan menyertai Program Uzbekistan *Young Scientist @ UPSI: Research Collaboration and Capacity Building Programme* anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi memperkukuh kerjasama penyelidikan dan pembangunan kapasiti antara kedua-dua negara.

Program yang berlangsung dari 23 Mac hingga 22 Mei 2026 itu diadakan di beberapa lokasi termasuk UPSI, Kuala Lumpur, Seberang Perai (Pulau Pinang), Pulau Pangkor (Perak) dan Pulau Langkawi (Kedah). Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI, Prof. Dr. Raja Nor Safinas Raja Harun berkata, program berkenaan merupakan kolaborasi strategik antara UPSI dan Kementerian Pengajian Tinggi, Sains dan Inovasi Republik Uzbekistan. "Program ini menjadi platform pemerkasaan kepakaran bersama dalam bidang bandar pintar, ekonomi hijau, pendidikan alam sekitar, penerbitan berimpak tinggi serta metodologi pembelajaran berasaskan pengalaman," katanya dalam satu kenyataan. Menurut beliau, program tersebut diselenggarakan oleh Pusat Antarabangsa, Mobiliti dan Pengembangan Pendidikan (IMAC) UPSI dengan sokongan Akademi Kepimpinan Pengembaraan & Rekreasi Luar (AURORA) serta Pusat Pendidikan Hijau UPSI.

Majlis perasmian program itu disempurnakan oleh Duta Besar Uzbekistan ke Malaysia bersama Pengarah IMAC, Prof. Dr. Ramlee Ismail di Hotel De Palma Ampang, Kuala Lumpur pada 26 Mac lalu. Sementara itu, Prof. Dr. Che Zalina Zulkifli yang dilantik oleh Menteri Pengajian Tinggi, Sains dan Inovasi Republik Uzbekistan sebagai Ketua dan Penyelaras Keseluruhan Program berkata, pelaksanaan program melibatkan penyelarasan akademik, industri serta pembangunan jaringan kerjasama strategik antara kedua-dua negara. Beliau turut mengetuai projek berkaitan penyelesaian bandar pintar dan teknologi eco-composting untuk pembangunan bandar lestari serta pembangunan kapasiti ekonomi hijau dan pendidikan alam sekitar. Dr. Salem Abdullah Salem Garfan pula mengetuai projek *High Impact Publication Accelerator*, manakala Profesor Madya Dr. Mazuki Mohd Yasim mengetuai projek berkaitan

penambahbaikan metodologi pembelajaran berasaskan pengalaman melalui pendidikan luar berresiden.

Sebagai antara modul utama, peserta mengikuti *Modul Smart City* selama tiga hari melalui kerjasama dengan rakan industri UPSI, Meraque MY, yang memberi pendedahan kepada teknologi dron, pemetaan digital, pemantauan pintar serta integrasi *Internet of Things (IoT)*. Selain itu, *Modul Green Economy* memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dalam bidang pendidikan kelestarian, teknologi hijau komuniti serta pengurusan sisa organik melalui teknologi *eco-composting*.

Sepanjang program, peserta turut terlibat dalam latihan penyelidikan berstruktur, pembangunan penerbitan berimpak tinggi, libat urus bersama industri serta aktiviti pembelajaran berasaskan pengalaman melalui pendekatan *edu-tourism* dan kelestarian alam. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif pengantarabangsaan UPSI dalam melahirkan modal insan global serta memperkukuh kerjasama strategik serantau antara Malaysia dan Uzbekistan.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI perkukuh kedudukan antarabangsa di Fellowship Program Bangkok

Bangkok, 28 Mac - Penyertaan Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Fellowship Program Bangkok sempena Thailand International Book Fair di Queen Sirikit National Convention Centre, Bangkok pada 27 hingga 28 Mac lalu berjaya mengukuhkan kedudukan universiti itu di pentas antarabangsa. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Antarabangsa) UPSI, Prof. Dr. Suriani Abu Bakar berkata, pengiktirafan daripada Oxford University Press (OUP) sebagai satu pencapaian amat membanggakan.

Beliau berkata, pembabitan OUP sebagai rakan niaga mencerminkan keyakinan industri antarabangsa terhadap kredibiliti dan standard penerbitan UPSI.

“Penyertaan dalam Fellowship Program ini dilihat sebagai platform penting dalam memperkenalkan karya akademik Malaysia ke pasaran global, di samping mengangkat jenama Penerbit UPSI sebagai penerbit universiti yang aktif dan berdaya saing di arena

antarabangsa,” katanya. Sementara itu, Pengarah Penerbit UPSI, Prof. Madya Dr. Nordiana Hamzah berkata, program Fellowship Program Bangkok adalah inisiatif profesional yang menghimpunkan penerbit, editor dan pemain industri buku dari seluruh dunia bagi memperkukuh jaringan, berkongsi kepakaran serta meneroka peluang kerjasama strategik dalam bidang penerbitan. Katanya, program itu berlangsung seiring dengan Thailand International Book Fair, salah satu pesta buku terbesar di Asia Tenggara yang menjadi platform utama perdagangan hak cipta, penerbitan dan pertukaran idea dalam industri buku global.

“Penyertaan ini bukan sahaja membuka ruang jaringan profesional global, malah turut membuahkan perkembangan signifikan apabila Penerbit UPSI mencapai kata sepakat awal bagi urus niaga penjualan lesen (*licensing*) sebanyak 200 judul e-buku bahasa Melayu kepada Oxford University Press, yang diwakili oleh Zachary Burke.

Pelajar UPSI juarai pertandingan gitar antarabangsa di Bangkok

Bangkok, 30 Mac - Dua pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih tempat pertama dalam PGVIM International Guitar Ensemble Competition 2026 yang berlangsung pada 27 hingga 28 Mac lalu di Princess Galyani Vadhana Institute of Music, Bangkok, Thailand.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, Alif Danieal Norazmi, pelajar Sarjana Muda Pendidikan (Muzik), bersama Joyner Junior Hermon, pelajar Sarjana Muzik (Persembahan), telah memenangi First Prize bagi kategori Guitar Chamber (Open Category) dalam pertandingan berprestij itu. “Pencapaian ini membuktikan keunggulan bakat serta tahap profesionalisme pelajar UPSI dalam

bidang muzik persembahan di pentas antarabangsa, sekali gus mengangkat reputasi universiti sebagai institusi pendidikan guru yang melahirkan graduan berdaya saing global,” katanya dalam satu kenyataan.

“Pencapaian ini bukan sahaja membanggakan UPSI, malah turut mengharumkan nama Malaysia di pentas dunia. Ia membuktikan bahawa pelajar kita memiliki bakat, disiplin dan daya saing yang tinggi setanding dengan pemuzik antarabangsa. Beliau berkata kejayaan itu juga menjadi manifestasi keberkesanan pendekatan holistik yang dilaksanakan oleh Fakulti Muzik dan Seni Persembahan UPSI dalam melahirkan graduan berkualiti tinggi.



Lepasan SPM digesa sambung belajar

Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) disaran meneruskan pendidikan masing-masing di peringkat lebih tinggi termasuk diploma, asasi, matrikulasi atau Tingkatan Enam.

Pengarah Pusat Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr. Pau Kee berkata, tiada satu laluan yang boleh dianggap terbaik secara mutlak kerana setiap pilihan mempunyai kelebihan tersendiri bergantung kepada kecenderungan dan keupayaan pelajar.

“Diploma misalnya lebih menekankan kemahiran praktikal dan pendedahan industri awal, menjadikannya sesuai untuk pelajar yang cenderung kepada pembelajaran ‘hands-on’ serta ingin terus memasuki alam pekerjaan.

“Manakala Tingkatan Enam pula membantu membina daya tahan akademik, kematangan pemikiran dan kemahiran analitikal sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah. “Laluan asasi dan matrikulasi pula lebih bersifat pantas dan sesuai bagi pelajar yang sudah jelas dengan minat serta hala tuju kerjaya,” katanya ketika dihubungi, hari ini. Bagaimanapun, katanya, kelebihan kompetitif sebenar bukan hanya bergantung kepada laluan dipilih, sebaliknya sejauh mana

pelajar memanfaatkan peluang untuk membina kemahiran yang sepadan dengan keperluan industri.

“Pelajar perlu memilih laluan yang mampu memaksimumkan padanan bidang dengan sektor permintaan, selain membina kemahiran dan memastikan laluan itu membuka ruang untuk pengajian lebih tinggi,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pelajar yang masih disaran mendapatkan bimbingan kaunselor bagi menjalani ujian minat kerjaya seperti RIASEC atau Inventori Minat Kerjaya (SDS).

Katanya, ujian berkenaan mampu membantu pelajar mengenal pasti kecenderungan serta personaliti mereka sebelum membuat keputusan menceburi mana-mana bidang kerjaya.

“Selain itu, pelajar juga digalakkan mendapatkan pendedahan awal melalui ‘job shadowing’ atau pemerhatian di tempat kerja bagi memahami skop sebenar sesuatu bidang.

“Langkah ini penting supaya mereka tidak tersandung memilih kursus yang akhirnya menyebabkan mereka menarik diri selepas melanjutkan pelajaran,” katanya.

Mengulas trend segelintir lepasan SPM memilih pekerjaan gig, Pau Kee berkata, fenomena itu dilihat berisiko dalam jangka panjang sekiranya tiada perancangan meningkatkan kemahiran.

Katanya, walaupun pekerjaan gig menawarkan pendapatan segera, ia tidak menjamin kestabilan kewangan serta perkembangan kerjaya pada masa depan.

“Tanpa peningkatan kemahiran dan kelayakan, peluang kenaikan gaji dan pangkat akan terbantut berbanding mereka yang melanjutkan pengajian.

“Malah, risiko tekanan kewangan juga lebih tinggi terutama apabila melibatkan perancangan jangka panjang seperti membina keluarga,” katanya.

Beliau berkata, walaupun terdapat perlindungan sosial untuk pekerja gig, ia tidak setara dengan manfaat yang dinikmati pekerja berkelayakan tinggi termasuk skim persaraan dan pembangunan kerjaya.

“Dalam jangka panjang, jurang pendapatan dan kemahiran antara lepasan SPM yang tidak menyambung pengajian dengan graduan akan semakin melebar, sekali gus memberi kesan kepada struktur sosial,” katanya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

100
PENERAJU KERJASAMA PENDIDIKAN
1922-2022

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

“DariNya kita datang dan kepadaNya juga kita kembali”

TAKZIAH

kepada seluruh keluarga

Allahyarham Puan Norlida binti Hamid @ Ahmad

Pesara UPSI,
Pembantu Tadbir
(Perkeranian / Operasi) N2 (KUP),
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI

telah pulang ke rahmatullah pada

30 MAC 2026 (ISNIN)

Semoga rohnyanya dicucuri rahmat & ditempatkan dalam kalangan mereka yang beriman